

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	2 March 2016

# Eksport kereta Proton dijangka cecah 7,000

UM - 2/3/2016

Oleh ZABRY MOHAMAD  
ekonomi@utusan.com.my

**SHAH ALAM 1 Mac** - Eksport kenderaan keluaran Proton Holdings Berhad (Proton) dijangka mencecah 7,000 buah pada tahun ini berbanding 5,000, tahun lalu.

Ketua Pegawai Eksekutif Proton, Datuk Abdul Harith Abdullah berkata, angka tersebut diyakini mampu dicapai dengan adanya beberapa pasaran baharu antarabangsa yang boleh diterokai selain peningkatan keluaran kereta pemanduan di sebelah kiri.

Selain itu jelasnya, kerjasama yang terjalin dengan syarikat luar seperti dari Bangladesh untuk mengeluarkan kenderaan pemasangan tempatan (CKD) di negara berkenaan juga mampu melonjakkan jualan Proton.

"Kita tidak boleh bergantung sepenuhnya kepada pasaran domestik. Kita perlu berusaha untuk

menerokai pasaran baharu berikutan ketidaktentuan situasi ekonomi pada masa kini.

"Di luar sana ada lebih banyak potensi yang mana 70 peratus pasaran kereta dunia adalah kenderaan pemanduan sebelah kiri," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis pelepasan kumpulan pertama kereta Proton Preve sebanyak 50 buah yang dieksport ke Chile di sini hari ini.

Majlis berkenaan disempurnakan oleh Pengerusi Proton, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Abdul Harith memberitahu, sebanyak 1,280 kereta Proton terdiri daripada Preve (500 buah), Exora (80) dan Saga (700) akan dihantar ke Chile secara berperingkat-peringkat.

Menurutnya, Preve dijadualkan dilancarkan di negara Amerika Selatan itu pada Mei ini diikuti Saga, November nanti.

